

10 OCT 1999

Annuar-Mahkamah

BN KELANTAN SOKONG KAJI UNDANG-UNDANG HINA MAHKAMAH

PASIR MAS, 10 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan bersetuju dengan langkah kerajaan untuk mengkaji memperkenalkan undang-undang khusus mengenai penghinaan mahkamah, demi kepentingan semua pihak.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, undang-undang itu perlu diwujudkan bagi membolehkan semua pihak tidak terkeliru dan boleh dianggap telah menghina mahkamah.

"Saya percaya maksud Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah untuk memastikan tidak ada kesamaran dan kekeliruan, dan bertujuan untuk memperkukuhkan lagi urusan supaya tidak berlaku penghinaan terhadap mahkamah," katanya kepada pemberita selepas majlis kemasukan seramai 106 bekas penyokong PAS ke UMNO di Kampung Longger di sini, malam tadi.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, tujuan kerajaan mewujudkan undang-undang itu bukan untuk menganiaya mana-mana pihak yang mengambil kesempatan mempolitikkan beberapa kes yang dibicarakan di mahkamah ketika ini.

Perdana Menteri semalam berkata, kerajaan akan mengkaji kemungkinan memperkenalkan undang-undang khusus mengenai penghinaan mahkamah.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, ada ahli politik yang mengambil kesempatan membuat kenyataan dalam mahkamah dan menggunakan undang-undang mengenai penghinaan mahkamah untuk melindungi diri mereka.

Terdahulu dalam ucapannya Annuar berkata, kerajaan Pusat memberikan peruntukan sebanyak RM107 juta setahun untuk membangunkan Kelantan yang ternyata tidak mampu dilaksanakan oleh PAS.

Katanya, soal kebajikan rakyat negeri ini juga tidak pernah diabaikan dengan memberikan segala bantuan yang diperlukan seperti membina hospital, sekolah dan pelbagai subsidi untuk pertanian.

Sementara itu ketua bekas anggota PAS yang menyertai UMNO itu, Sukarno Musa. 36, berkata, kemasukan mereka ke dalam UMNO tidak dipaksa oleh mana-mana pihak tetapi berdasarkan kepada kekecewaan yang berlaku dalam PAS.

"PAS tidak lagi memperjuangkan Islam dan sanggup berbaik dengan DAP kerana ghairah untuk menang," katanya.

Beliau menjangka lebih ramai lagi anggota PAS kawasan itu akan memasuki UMNO secara beramai-ramai tidak lama lagi.

-- BERNAMA

ZI zb